

24/03/1999

Logo rasmi pameran identiti Langkawi

Wan Jailani Razak

LANGKAWI akan mempunyai logo rasminya sendiri tidak lama lagi bagi mewujudkan identiti untuk pulau peranginan ini.

Berikutan itu, setiap majlis yang akan diadakan di pulau ini pada masa depan dimestikan menggunakan logo itu yang melambangkan keindahan alam semula jadi di pulau legenda ini yang sukar didapati di tempat lain.

Perunding, Kumpulan Syarikat Sorfena yang beribu pejabat di Kuala Lumpur dipilih oleh Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) untuk mereka bentuk logo yang menggambarkan Langkawi sebagai pilihan tepat untuk pelancong bercuti.

Menurut Pegawai Perhubungan Awam Lada, Mohd Hatta Said, beberapa reka bentuk logo yang sudah siap itu akan diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kerajaan Kedah untuk kelulusan.

Pada masa yang sama, Lada dengan bantuan syarikat perunding itu akan menerbitkan majalah kembara bertajuk 'Langkawi Travel', Jun ini. Majalah dwibahasa yang mengandungi antara lain 70 peratus berita mengenai pembangunan Langkawi dan industri pelancongannya itu akan diterbitkan empat kali setahun.

Menurutnya, matlamat pengedaran pada peringkat awal ialah 20,000 naskah dan ia akan diedarkan percuma kepada hotel, syarikat penerbangan dan pejabat Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia di luar negara.

Selain itu, majalah yang akan memuatkan destinasi 'mesti lawat' seperti Galeria Perdana, Laman Padi, Kampung Buku Malaysia dan Legenda Langkawi Dalam Taman akan turut diedarkan kepada agen pelancongan dan Kedutaan Malaysia.

Lada juga akan menghantar delegasi untuk mengadakan perbincangan dengan agen pelancongan berpotensi di luar negara bagi membantu mempromosikan pulau legenda ini.

Ini selaras dengan sasaran Lada yang menetapkan menjelang 2005, sebanyak 70 peratus daripada dua juta pelancong yang mengunjungi pulau ini akan terdiri daripada pelancong luar negara.

Selain itu, katanya, Lada juga telah menggariskan beberapa program promosi baru pada peringkat domestik dan antarabangsa dalam usaha radikalnya bagi meningkatkan industri pelancongan di pulau ini.

Bagaimanapun, aspek yang tidak kurang penting untuk menarik kehadiran lebih ramai pelancong ke pulau ini ialah sikap masyarakat tempatan itu sendiri dalam menerima kunjungan pelawat.

Langkawi sebenarnya mempunyai aset yang baik untuk pembangunan pelancongan kerana ia memiliki pantai dan pulau yang indah di samping kemudahan membeli barang bebas cukai.

Tetapi ia tidak harus ditenggelamkan dengan sikap segelintir masyarakat tempatan yang tidak peramah dan mahal dengan senyuman.

Masyarakat peniaga misalnya, usahlah membeza-bezakan pelanggan asing yang mempunyai kuasa beli yang tinggi dengan pelancong domestik yang juga memerlukan layanan yang sama baik.

Pada masa yang sama, semua daerah perlu segera mengemukakan cadangan program masing-masing untuk dimuatkan dalam risalah 'Jom Pi Kedah' yang dijadualkan dilancarkan bulan depan bagi mempromosi negeri itu.

Setiap daerah boleh mengemukakan sekurang-kurangnya 100 program yang boleh menjadi tarikan pelawat ke Kedah.

(END)